



09 JAN, 2023

GST mesti guna kadar rendah merangkumi semua barangan

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

GST mesti guna kadar rendah merangkumi semua barangan

Kutipan bantu perkukuh kewangan negara hadapi ketidaktentuan global

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
 hazwanfaisal@bh.com.my

Kerajaan dicadang memperkenalkan semula Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) pada kadar serendah mungkin serta merangkumi seluruh barangan dan perkhidmatan tanpa pengecualian termasuk harga minyak runcit, kata penganalisis.

Ia dalam usaha meningkatkan kecekapan kutipan hasil, sekali gus mengukuhkan kembali kedudukan kewangan negara bagi mendepani ketidaktentuan global.

Ketua Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Firdaos Rosli, berkata langkah sedemikian boleh

membuatkan kos pengendalian GST mudah dan murah, sekali gus membenarkan kadar cukai kepenggunaan itu diperkenalkan hanya antara dua hingga tiga peratus sebagai permulaan.

"Kaedah ini juga digunakan Singapura apabila GST diperkenalkan pada 1994 yang bermula pada kadar tiga peratus dan kemudian dinaikkan secara beransur-ansur kepada empat peratus pada 2003; lima peratus (2004); tujuh peratus (2007) dan akhirnya lapan peratus (2023).

"Ini berbeza daripada Indonesia apabila mengekalkan kadar GST pada 10 peratus sejak 1984. Ia hanya dinaikkan kepada 11 peratus pada April tahun lalu dan mungkin dinaikkan kepada 12 peratus pada 2025 kelak. Secara umumnya, kadar GST yang terlalu tinggi ada keburukan juga," katanya kepada BHM.

Mengulas lanjut, Firdaos berkata, isu mengenai pengenalan GST ini bermula sejak 1980-an dan cukai itu bukan sistem yang boleh diketepikan begitu sahaja oleh kerajaan, sebaliknya perlu diguna pakai dan diperhalusi dari semasa ke semasa.

"Jika tidak, posisi fiskal kerajaan akan jauh ketinggalan daripada perkembangan ekonomi negara.

"Ada beberapa sebab kita perlukan GST. Antaranya, hasil kerajaan berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menurun sejak 1992 daripada 26.2 peratus ke 15.1 peratus pada 2021.

"Pertumbuhan hasil kerajaan pada asas tahun ke tahun menunjukkan arah aliran negatif dalam kebanyakan tempoh dekad yang lalu walaupun GST diperkenalkan pada 1 April 2015.

"Hutang kerajaan berbanding KDNK meningkat sejak krisis kewangan dunia 2008 dan lebih tinggi lagi disebabkan COVID-19," katanya.

Perbelanjaan kerajaan naik

Selain itu, beliau menjelaskan caj perkhidmatan hutang atau kos pengeluaran bon kerajaan sudah melepasi tahap pentadbiran sebanyak 15 peratus pada 2020, sekali gus menunjukkan pertumbuhan hasil kerajaan yang lemah.

"Perbelanjaan kerajaan semakin meningkat dengan kadar subsidi turut bertambah, malah mungkin mencecah RM71 bilion

tahun lalu akan mencatatkan rekod tertinggi dalam sejarah.

"Secara umumnya, tanpa aliran hasil kerajaan yang mampan, autonomi fiskal dan monetari kita akan terhakis tanpa kita sedari, sekali gus mengurangkan kepercayaan kerajaan untuk mentadbir secara berkesan pada masa hadapan," katanya.

Setiausaha Agung Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA), Dr Mohd Fairuz A Razak pula berkata, kerajaan perlu mempertimbangkan dengan serius pengenalan semula GST 2.0 pada kadar empat peratus.

Katanya, sifat dan mekanisme GST dapat membantu kerajaan mengutip hasil cukai, khususnya dalam sektor ekonomi tidak formal.

"Ia sudah pasti tidak akan memberi kesan signifikan kepada rakyat secara keseluruhan dengan GST pada kadar empat peratus. Sistem ini lebih adil dalam kutipan cukai, terutama ke atas industri tidak formal.

"GST 2.0 adalah pendekatan terbaik untuk mengesan industri yang lari daripada pelaporan dan bayaran cukai. Dicadang-

kan pemantauan harga melalui mekanisme GST 2.0 oleh pembayar cukai dilaksanakan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan disokong Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

"Dengan pengenalan GST 2.0, Malaysia akan melangkah setapak lagi ke arah status negara maju dan rakyat berada dalam sistem percukaian lebih adil, telus dan cekap," katanya.

Beliau berkata, bergantung kepada cukai langsung pada masa panjang membebaskan peniaga dan individu secara mikro kerana negara ini mempunyai masyarakat yang semakin tua dan tidak lagi menyumbang kepada sistem percukaian.

"Oleh itu, pengenalan GST 2.0 adalah jalan keluar pada bebanan itu. Pelaksanaan GST sebelum ini dapat menurunkan cukai korporat dan cukai individu ke paras lebih kompetitif serta progresif berbanding negara jiran bagi menggalakkan perniagaan baharu dan pelaburan asing dalam negara.

"Ini juga trend seluruh dunia dan dibuktikan apabila cukai korporat dan peribadi diturunkan beberapa kali semasa era GST dilaksanakan.

"Bantuan yang boleh diberi dari segi pemberian tambahan bantuan kewangan atau baucar bulanan kepada B40 (subsidi bersasar)," katanya.

Mohd Fairuz berkata, keunikan GST disebabkan ia tidak dikenakan ke atas kos, tetapi nilai tambah kepada barangan.

Ada beberapa sebab kita perlukan GST. Antaranya, hasil kerajaan berbanding KDNK menurun sejak 1992 daripada 26.2 peratus ke 15.1 peratus pada 2021



Firdaos Rosli, Ketua Ekonomi BIMA

Dengan pengenalan GST 2.0, Malaysia akan melangkah setapak lagi ke arah status negara maju dan rakyat berada dalam sistem percukaian lebih adil, telus dan cekap



Dr Mohd Fairuz A Razak, Setiausaha Agung MATA



09 JAN, 2023

GST mesti guna kadar rendah merangkumi semua barangan

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Kutipan bantu perkukuh kewangan negara hadapi ketidaktentuan global

Kerajaan dicadang memperkenalkan semula Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada kadar serendah mungkin serta merangkumi seluruh barangan dan perkhidmatan tanpa pengecualian termasuk harga minyak runcit, kata penganalisis. Ia dalam usaha meningkatkan kecekapan kutipan hasil, sekali gus mengukuhkan kembali kedudukan kewangan negara bagi mendepani ketidaktentuan global.